

KITAB TAWARIKH 2.0



Friday, March 31, 2006

La banjir de' bangi.

"mini havoc" tercetus seketika di stesyen komuter ukm semalam, gara-gara air naik paras bulu kaki akibat hujan lebat yang turun dengan tiba-tiba. Kebetulan aku bergegas kesana untuk "menyelamatkan" orang tua aku yang terperangkap di stesyen tu, parking kereta jauh pulak. Air memang deras sehingga menyebabkan keseluruhan bulu kaki aku kuyup, melangkah juga perlu berhati-hati, salah langkah sedar2 dah dalam longkang. Semasa tenang dulu tak terfikir pulak nak diamati betul-betul jalan tu, ada longkang atau tidak, bila dah banjir mula la nak buat "total recall"...last-last ku redah jugak jebat..tawakal je la..kalau jadi apa-apa pun aku tak kesal sebab niatku pada masa itu bukan mahu bermaksiat tapi menyelamatkan orang tua aku. Belum sempat aku sampai ke kaki lima stesyen tu aku nampak dua wajah yang memang ku kenali....tapi dengan "bertopi"kan beg plastik, rupanya diorang tu balik dari Pesta Buku Kuala Lumpur..mujur ada beg plastik buku...payung kuserahkan kepada mereka, dan aku hanya berpayungkan angin dan bayu petang itu. Mereka ku pimpin mengharungi arus banjir yang deras itu...ibarat sang Apek tukang kasut dipimpin Marjinah. Selesai "operasi menyelamatkan", barulah aku berkesempatan merakamkan detik itu, aku sedar ramai mata yang memandang gelagat aku...tak berminat aku nak mentafsir lontaran pandangan mereka itu, mungkin mereka fikir aku ni "poyo" pasal tengah sibuk-sibuk banjir aku sibuk dengan kamera, atau mereka lebih risaukan kamera aku akan rosak dek air hujan.



Glarias@komuterbangi.com

Translate

Select Language ▼

Powered by [Google Translate](#)

Tweets by [@HarithSidek](#)

Komen Pengunjung

[Recent Comments Widget](#)

Latar Diri Penulis



Harith Faruqi Sidek

Pustakawan di PTSL, UKM. Pemegang Sarjana Muda (Kepujian) Pengajian Maklumat, UiTM dan MARM (Master of Archives and Records Management) University of Liverpool, UK.


[View my complete profile](#)

Search This Blog

Facebook Badge



Harith Faruqi Sidek



Create Your Badge

Blog Malaysia Directory




Post Popular



Menyingkap sejarah serta misteri Istana Kellie (Kellie's Castle)

Oleh : Harith Faruqi Sidek
Sebut sahaja Batu Gajah, Perak, pastinya nama Istana Kellie atau Kellie's Castle akan disebut sebagai tarik...



Bagaimana Negeri-Negeri di Malaysia mendapat namanya

Oleh : Harith Faruqi Sidek
Merujuk naskah " Asal - usul negeri-negeri di Malaysia" yang dihasilkan oleh Datuk Zakiah Hanum, m...



Shariff Dol : Samseng Kampung Dusun dalam kenangan.

Oleh : Harith Faruqi Sidek
'Shariff Dol, Samseng Kampung Dusun'...tagline yang disebut orang hingga ke hari ini, begitulah t...

Sejarah Pembukaan Penempatan Orang Jawa di Selangor

Oleh : Harith Faruqi Sidek
Hubungan Tanah Melayu dengan Pulau Jawa telah



kiriman [Harith Faruqi Sidek](#)

5 comments:



McBudu said...

Nampaknya Selangor yang berstatus Negeri maju belum maju dalam kes menangani masalah banjir ni. Tapi yang aku musykil sikit tu, tak ada ke penanda sukatan banjir kat situ, kerana bulu kaki bukanlah penanda aras yang tepat dan tidak dikalibrasi, sebab lain orang lain tahap bulunya! he he

9:31 AM



Harith Faruqi Sidek said...

he..he..ni ibarat orang buat balancing tayar pakai air la...kes-kes terpencil.

11:06 AM



indica said...

Eeh..aku tak sedor ada banjir di komuter Bangi tu..ingatkan kat S. Alam jer dilanda banjir. Musykil gak aku, negeri maju banjir semedang banjir..bekalan air pun selalu terputus..kiranya separuh maju je le..

balancing tayar pakai air??? cam pernah dengar je citer tu...he he

9:52 PM



McBudu said...

Dulu sebelum isytihar Negeri Maju, Selangor selalu kering kontang, kemarau tak ada air, bila declare je Negeri maju, air banyak melimpah ruah, kira maju le tu....

10:45 AM



Harith Faruqi Sidek said...

Balancing pakai ayor tu otai-otai je yang buat...Ayor berlebihan tahan lagi..jangan dek terlampau maju tarif ayor pun berlebihan.

3:23 PM

[Post a Comment](#)

[Newer Post](#)

[Home](#)

[Older Post](#)

Subscribe to: [Post Comments \(Atom\)](#)

bermula sejak kurun ke-14 lagi, sepertimana diceritakan dalam na...



**"The Real Malay"
: Perihal Orang
Melayu menurut
Frank
Swettenham**

Oleh : Harith Faruqi Sidek
Dalam karya beliau yang terkenal, " Malay Sketches", Frank Swettenham telah memberi gambaran tentan...



**Warisan Darah
dan Airmata di
Muzium Perang
Pulau Pinang.**

Oleh : Harith

Faruqi Sidek Pintu masuk Muzium Perang Pulau Pinang Antara lokasi yang menarik untuk dilawati jika melancong ke Pul...



**Catatan Dari
Bumi Anbiya' 2 :
Perihal Jam
tangan Mekah**

Jam tangan mesra islam. Kalau disebut Jam Mekah, pasti yang terbayang ialah jam-jam buatan negara china yang dijual oleh penjaja di j...



**Asal Usul nama
negeri Selangor
dan beberapa
tempat di Daerah
Kuala Selangor**


Oleh Harith Faruqi Sidek Jika dalam naskah "Asal Usul Negeri-negeri di Malaysia" karya Datuk Zakiah Hanum tidak memaparkan bagaimana ...



**Wak Mustarjo
(1890 - 1970) dan
9 perkara menarik
tentang beliau.**

Oleh : Harith

Faruqi Sidek Wak Mustarjo@Mustar Ahmad (sumber : P.Ramlee.com) Antara pelakon tambahan yang sering menghiasi fil...



**Asal Usul nama
Petaling dan
beberapa
kawasan
sekitarnya**

Oleh: Harith Faruqi Sidek Peta Daerah Petaling (Sumber: google image) Berdasarkan naskah 'Koleksi Cerita Asal Usul dan Sejarah...

Bilangan Pembaca